



KOMPLEKS DARUL HIDAYAH PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Kompleks Darul Hidayah.

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU AKAUNTAN W19**

- (b) Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
- (e) Kekosongan : 1

Kadar elauan : RM1500.00 (termasuk potongan KWSP dan PERKESO)

Syarat Lantikan: (a) Sijil dalam bidang perakaunan, kewangan, perbankan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; DAN

(b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Diskripsi Tugas : Bertanggungjawab membantu Kompleks Darul Hidayah dan Penolong Pegawai Akauntan dalam urusan melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan kewangan.

2. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan di bawah bidang kuasa Kompleks Darul Hidayah Pulau Pinang yang boleh diperolehi secara PERCUMA melalui laman web: www.jaipp.penang.gov.my.
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm.
- (c) Permohonan yang berikut akan ditolak:-
 - (i) Tidak menggunakan borang permohonan permohonan jawatan Kompleks Darul Hidayah Pulau Pinang.
 - (ii) Tidak lengkap atau tidak terang.
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - (iv) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - (v) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat; dan
 - (vi) Tidak ditandatangani.

3. PERMOHONAN HENDAKLAH DISAMPAIKAN KEPADA;

**Kompleks Darul Hidayah,
Permatang Tok Gelam,
13100 Penaga,
Pulau Pinang.**

pada atau sebelum **21 Jun 2024**

Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (d) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada anak Negeri Pulau Pinang, Saudara Kita, cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.